

ANALISIS CARA PENTERJEMAHAN CERPEN BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA ARAB

Diyak Ulahman bin Mat Saad¹
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penterjemahan ialah perbuatan memindahkan makna sesuatu teks dan mengolahkannya semula dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya terjemahan (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing (teks sumber). Penterjemahan merupakan satu kerja yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ia membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing. Sehubungan dengan itu, penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis cara penterjemahan cerpen bahasa Inggeris kepada bahasa Arab. Selain itu, objektif penulisan artikel ini juga ialah untuk mengkaji pemilihan perkataan yang lebih tepat untuk teks sasaran. Penulis mendapati, dalam aktiviti penterjemahan, tidak semua perkataan yang mempunyai makna yang sama boleh digunakan untuk menterjemahkan sesuatu perkataan atau frasa dalam teks sasaran. Di akhir penulisan ini, penulis berharap agar kajian yang dilakukan dapat membantu menjadi panduan kepada penterjemah, pelajar dan masyarakat umumnya dalam aktiviti penterjemahan.

Kata Kunci: *penterjemahan cerpen bahasa Inggeris, cara penterjemahan, penterjemahan.*

1.0 PENDAHULUAN

Penterjemahan atau alih bahasa ialah aktiviti memindahkan makna sesuatu teks dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya terjemahan (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing (teks sumber). Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ia membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing.

Keperluan untuk penterjemahan akan datang apabila seseorang ingin mengetahui kandungan sesuatu teks atau dokumen dalam bahasa yang tidak difahami. Dalam kata yang lain, bahasa lain yang digunakan dalam teks atau dokumen asal yang tidak difahami akan menjadi penghalang bagi pembaca dalam memahami kandungan yang ingin disampaikan. Oleh itu, seorang penterjemah akan diperlukan bagi menghuraikan maksud kandungan teks atau dokumen asal yang ingin diketahui kepada pembaca bahasa asing (Haslina & Hasuria, 2013).

¹ diyakulahman@kuis.edu.my

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Terjemahan dianggap suatu kerja atau aktiviti yang mudah. Seseorang yang boleh memahami sesuatu bahasa yang selain daripada bahasa ibundanya, maka dia dianggap mampu untuk menterjemah ilmu dalam bahasa tersebut ke dalam bahasa ibundanya, dan juga sebaliknya. Namun, penterjemahan sebenarnya mempunyai teori, disiplin dan kaedah yang tersendiri (Mohd Hilmi, 2008). Teori-teori ini mempunyai teknik yang tersendiri dalam berhadapan dengan teks atau dokumen yang khas atau sukar diterjemahkan seperti penterjemahan cerpen bahasa Inggeris. Ini disebabkan cerpen bahasa Inggeris mengandungi tatabahasa yang luas dan mempunyai makna yang tersembunyi.

Penterjemahan cerpen Inggeris bukan sekadar mengalih bahasa daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, seperti yang dikemukakan oleh kamus Inggeris Melayu dewan (2002), atau sekadar pentafsiran dan interpretasi, seperti yang dinyatakan dalam 'thesaurus bahasa Melayu dewan' (2010). Namun ia melibatkan penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa asal dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama dari segi maknanya, dan kedua dari segi gayanya (Eugene A. Nida & Charles R. Taber, 2003). Berdasarkan definisi ini, penterjemah cerpen bahasa Inggeris harus mengambil berat lima ciri-ciri yang berikut: 1. penyalinan semula maklumat, 2. persamaan terdekat, 3. persamaan bersahaja, 4. makna, dan 5. gaya.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan memaparkan sejauhmana ciri-ciri menterjemahkan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab seperti yang disarankan oleh pakar-pakar terjemahan dipatuhi.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah analisis terhadap karya terjemahan cerpen Inggeris yang bertajuk "*Tales from 1001 nights*" yang dikumpulkan dalam sebuah himpunan cerpen yang diterjemahkan oleh Lina Zahir Sultan. Korpus-korpus yang dipilih ialah '*The Sultan and Sheherezade*' dan '*Behind the Door*'. Himpunan cerpen ini diterbitkan oleh *Ray Publishing and Science* pada tahun 2009. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak. Dalam kajian ini, hanya lima unit sampel akan dianalisis.

4.0 CARA PENTERJEMAHAN CERPEN INGGERIS KEPADA BAHASA ARAB

Penterjemahan cerpen bahasa Inggeris boleh dilakukan dengan berpandukan cara-cara tertentu. Dalam kajian ini, penulis telah merumuskan pandangan pakar-pakar mengenai cara penterjemahan istilah Inggeris seperti berikut:

1. Istilah Inggeris yang mempunyai makna rujukan seperti yang disebut oleh Aionon

Muhammad (1991:182), apabila diterjemahkan, tidaklah perlu mengekalkan jumlah perkataan yang terdapat pada bahasa asal. Contohnya, perkataan '*fern*' diterjemahkan dalam bahasa Arab menjadi الختشار سرخس, dan '*grey hair*' menjadi الشيب.

2. Aionon Muhammad (1991:191) juga mengatakan istilah Inggeris yang dikiaskan seperti *net profit*, *bird's eye view*, *overtime* dan sebagainya lebih baik diterjemahkan dengan menggantikan dalam bentuk bukan kiasan, seperti: ربح صافى، منظر من عال، ساعات العمل الإضافية.

3. Bentuk istilah peribahasa Inggris lebih baik ditukar dengan istilah bukan peribahasa. Hal ini dapat memberi pembaca makna yang lebih jelas dan menghindarkan daripada kemungkinan istilah-istilah ini disalah ertikan (Ainon Muhammad: 191: 195). Contohnya: *white-collar job* وظائف مكتتبية, *skyscraper* بِنَاء ليس لديه علم بم — *in the dark* عالٍ ذَاهِبٌ فِي السَّمَاءِ
4. Mengekalkan, menghilangkan atau menyesuaikan semula unsur budaya dalam penterjemahan seperti yang dijelaskan oleh Sumardiono (2007).
5. Mengutamakan konsep daripada istilah. Atau kata lain, mengutamakan terjemahan pragmatik daripada terjemahan linguistik sepertimana yang diamalkan oleh Jepun, Korea, Thailand dan Indonesia (Ainon Muhammad, 2008: 15). Contoh: *blackboard* lebih sesuai diterjemahkan sebagai سبورة daripada لَوْحٌ أَسْوَدٌ يُكْتَبُ عَلَيْهِ.
6. Menterjemah langgam bahasa sesuai dengan makna dalam bidang yang berkaitan dan konteks yang digunakan (Ainon Muhammad: 1990: 207).
7. Menterjemah istilah yang berbentuk rangkaian kata menggunakan teori unsur terdekat (Ainon Muhammad: 1990: 208). Teori ini menyusun unsur-unsur yang terdekat maknanya antara satu sama lain secara berdekatan.

Langkah-langkah untuk menganalisis unit sampel adalah seperti berikut:

1. Teks asal akan dibandingkan dengan teks terjemahan untuk melihat sama ada terjemahan untuk teks asal boleh diterima ataupun tidak. Perbandingan antara teks asal dengan teks sasaran akan dibuat secara deskriptif.
2. Jika terjemahan yang dikemukakan boleh diterima, maka penulis menerima terjemahan tersebut sebagai satu kaedah penterjemahan, dan terjemahan itu akan dikekalkan. Akan tetapi, jika sebaliknya, penulis akan mencadangkan satu kaedah penterjemahan yang sesuai dan lebih tepat.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis unit-unit sampel yang telah dipilih adalah seperti berikut:

Analisis unit sampel 1:

“But the sultan’s wife took other men as lovers.”

(*Tales from the 1001 nights*: 6)

Teks terjemahan:

"ولكن زوجة السلطان اتخذت لها عاشقين آخرين."

(*Tales from the 1001 nights*: 7)

Dalam petikan ini, perkataan ‘lovers’ diterjemahkan sebagai ‘عاشقين’ yang bermaksud seseorang yang dicintai dan disayangi. Dalam bahasa Arab, عاشق bermaksud ‘*adorer*’. Dari segi maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal, terjemahan ini telah menyampaikan maksud tersebut, tetapi dari segi pemilihan perkataan, penulis berpendapat bahawa ia tidak berapa memuaskan. Ia perlu diubah kepada perkataan ‘أحباء’.

Di sini, penterjemah menterjemahkan perkataan tersebut mengikut perkataan bahasa Arab yang boleh didapati daripada kamus Inggeris-Arab. Pada pendapat penulis, penterjemah

perlu meneliti terdahulu makna terperinci bagi setiap perkataan yang didapati seperti perbezaan makna antara perkataan *عاشق* dan *حبيب*.

Ungkapan 'took other men as lovers' pula diterjemahkan sebagai 'اتخذت لها عاشقين آخرين'. Penterjemah telah menghilangkan langgam bahasa 'as' dan digantikan dengan 'لها'. Penulis berpendapat, terjemahan ini perlu dilakukan untuk menyesuaikan langgam bahasa antara kedua-dua bahasa. Jika penterjemah menggunakan 'كالعاشقين', makna yang ingin disampaikan tidak tepat. Ia akan menjadi 'took other men like lovers'. Maka, dengan terjemahan ini, penterjemah telah berjaya menyampaikan maksud penulis asal.

Analisis unit sampel 2:

"He was very angry ..."

(*Tales from the 1001 nights: 6*)

Teks terjemahan:

"غضب كثيراً ..."

(*Tales from the 1001 nights: 7*)

Pada petikan ini, penterjemah telah berjaya menyampaikan maksud yang ingin disampaikan penulis asal, iaitu perasaan sangat marah. Akan tetapi, penulis berpendapat bahawa terjemahan ini gagal menyesuaikan gaya bahasa Inggeris dan gaya bahasa Arab. Dalam bahasa arab, ungkapan 'sangat' diterjemahkan sebagai 'جدا' atau 'شديدا'. Oleh itu, terjemahan yang lebih tepat adalah, 'غضب بشدة'.

Analisis unit sampel 3:

"The next day, Sheherezade went with her father to see the sultan."

(*Tales from the 1001 nights: 8*)

Teks terjemahan:

"في اليوم التالي، ذهبت شهرزاد مع والدها لرؤية السلطان ..."

(*Tales from the 1001 nights: 9*)

Dalam sampel ini, terdapat satu kata kerja yang membawa maksud melihat. Penulis asal ingin menyampaikan bahawa Sheherezade pergi berjumpa dengan sultan. Penterjemahan yang diberikan oleh penterjemah adalah 'الرؤية السلطان'. Terjemahan yang diberikan ini secara literalnya adalah betul tetapi ia agak janggal pada pemahaman pembaca sasaran. Walaupun maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal mungkin dapat difahami oleh pembaca, tetapi ia tidak berapa boleh diterima. Jadi pada pendapat penulis, kata kerja ini lebih sesuai jika diterjemahkan kepada 'المقابلة السلطان'.

Analisis unit sampel 4:

"But Salem was young and lost the money very quickly."

(*Tales from the 1001 nights: 12*)

Teks terjemahan:

"لكن سالم كان صغير السن وأضاع المال بسرعة كبيرة ..."

(*Tales from the 1001 nights: 13*)

Dalam petikan ini, penterjemah telah mengalihbahasa perkataan 'young' kepada 'صغير السن'. Ia merupakan istilah yang mempunyai makna rujukan. Maka apabila diterjemahkan, tidaklah perlu mengekalkan jumlah perkataan yang terdapat pada bahasa asal. Pada pendapat penulis, terjemahan ini telah berjaya memindahkan maksud bahasa asal kepada bahasa sasaran walaupun jumlah perkataan tidak dikekalkan.

Frasa seterusnya, 'very quickly' diterjemahkan sebagai 'بسرعة كبيرة'. Terjemahan ini telah menyalahi gaya bahasa yang digunakan dalam bahasa Arab. Untuk menggambarkan keadaan yang terlalu cepat, سرعة tidak digandingkan dengan كبيرة. Ia boleh digandingkan dengan فائقة. Oleh itu, terjemahan yang dicadangkan penulis adalah: وأوضاع المال بسرعة.

Analisis unit sampel 5:

"Behind the door, everything was very dark and quiet."

(*Tales from the 1001 nights: 16*)

Teks terjemahan:

"كان كل شيء خلف الباب مظلماً وهادئاً..."

(*Tales from the 1001 nights: 17*)

Apabila kita melihat kepada terjemahan bagi petikan ini, makna yang ingin disampaikan penulis asal seakan-akan telah dicapai. Akan tetapi, apabila diteliti semula, penterjemah telah mengabaikan fokus utama yang telah diletakkan oleh penulis asal. Dalam penulisannya, penulis asal telah memulakan ayat ini dengan 'behind the door'. Ini bermaksud, penulis ingin memberi fokus utama kepada belakang pintu. Penterjemah walaubagaimanapun, telah memulakan dengan 'كل شيء' iaitu terjemahan bagi perkataan 'everything'. Penulis mencadangkan terjemahan bagi ayat ini seperti berikut: 'كان خلف الباب' . 'كل شيء مظلماً وهادئاً' .

6.0 PERBINCANGAN

Beberapa hasil kajian berjaya diperoleh, setelah sampel-sampel yang dipilih dianalisis. Hasil kajian tersebut adalah seperti berikut:

- a. Terdapat pelbagai jenis cara penterjemahan cerpen dalam sampel ini.
- b. Penterjemah berjaya menyampaikan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal kepada pembaca sasaran walaupun ada kalanya pemilihan perkataan bagi bahasa sasaran tidak begitu tepat.
- c. Penterjemah tidak begitu teliti dalam menggunakan kata sifat bagi sebahagian kata kerja.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada hasil kajian ini adalah:

- a. Cerpen ini tidak menggunakan perkataan-perkataan yang rumit dan tidak mempunyai unsur-unsur sastera. Oleh itu, kerja penterjemahan agak mudah untuk dilakukan.

b. Cerpen menggunakan banyak kata sifat untuk digandingkan dengan kata kerja dan juga kata nama. Penterjemah harus teliti dalam memilih kata sifat yang sesuai dalam bahasa sasaran tersebut dan tidak boleh hanya menterjemah secara harfiah.

8.0 CADANGAN

Antara cadangan penulis adalah:

a. Untuk menangani masalah atau kesulitan dalam proses penterjemahan, penterjemah perlu mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang yang akan diterjemahkan. Dia juga perlu menjadi mahir dalam bidang yang ingin diterjemahkan. Penterjemah juga perlu peka dengan gaya bahasa dan perlu juga berkeupayaan dan berkebolehan untuk menggunakan gaya bahasa dalam bahasa sasaran.

b. Untuk menjadikan sesebuah teks terjemahan itu bernilai, ia perlu disemak, diperiksa dan disunting terlebih dahulu sebelum diterbitkan. Proses penilaian, pemeriksaan dan penyuntingan itu dianggap sebagai penjamin mutu dan kualiti kepada sesuatu teks terjemahan itu.

9.0 PENUTUP

Kajian ini telah mendapati bahawa penterjemahan cerpen tidak sukar untuk dilakukan. Walaubagaimanapun, tanpa ilmu tentang bidang yang diterjemahkan, penterjemah boleh melakukan kesilapan dalam terjemahannya. Oleh itu, penterjemah cerpen haruslah melalui latihan dan harus terdedah dengan pelbagai pengalaman secara berterusan untuk menghasilkan terjemahan cerpen yang bermutu dan seterusnya akan diterima oleh bakal pembaca.

10.0 RUJUKAN

Buku

Ainon Muhd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Ainon Muhammad. (1991). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Eugene A. Nida & Charles, R. Taber. (2003). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: Library of Congress Cataloging-in-Publication Data.

Haslina Hassan & Hasuria Che Omar. (2013). *Asas Terjemahan dan Interpretasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Lina Zahir Sultan. (2009). *Tales from the 1001 nights*. Syria: Syia' linnasyr wal 'ulum.

Mohd. Hilmi Abdullah. (2008). *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Kelantan: Pustaka Hilmi.

Laman web

Sumardiono. (2007). *Penerjemahan dan Budaya*. 15/12/2016.

<http://dion-zydion2i.blogspot.my/2009/10/karya-ilmiah-penerjemahan-dan-budaya.html>.

Kamus

A.H Johns. (2002). *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. Cetakan Ketiga. Selangor: Elpos Print Sdn Bhd.

Mashitah Taharin. (2010). *Thesaurus Bahasa Melayu Dewan*. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.